

PELUPUSAN UBAT -UBATAN



'Fenomena ikan jantan yang berubah secara fisiologi mempunyai ciri-ciri kabetinaan dimana ia mula membina protein yang terlibat di dalam pengeluaran telur oleh ikan betina dan berlaku perkembangan peringkat awal telur di dalam testes di kesan, kejadian ini dikaitkan dengan kehadiran bahan estrogen (pil perancang keluarga) di dalam sungai'



TAKE YOUR MEDICINE...
Back to your pharmacy*



Senario di atas merupakan salah satu kesan pelupusan ubat secara tidak betul. Sekiranya keadaan ini tidak dikawal ia akan mendatangkan bahaya kepada alam sekitar dan seterusnya boleh memberikan kesan buruk kepada manusia dan haiwan. Oleh yang demikian, adalah penting untuk semua mengetahui cara pelupusan ubat yang sepatutnya.

Sebelum menjalankan pelupusan ubat anda di nasihatkan untuk:

- Membuang label pada bekas ubat bagi melindungi maklumat sulit berkaitan kesihatan anda.
- Tidak berkongsi ubat dengan orang lain. Ini adalah kerana keperluan ubat - ubatan bagi setiap individu adalah berbeza.

Berikut merupakan cara-cara pelupusan ubat - ubatan yang boleh dipraktikkan oleh semua:

semula oleh orang lain dan diam-bil oleh kanak-kanak atau haiwan peliharaan

- Campuran ini dimasukkan ke dalam "sealable bag", tin kosong atau dalam bekas lain yang boleh ditutup ketat supaya tidak tumpah.
- Sisa ubat - ubatan tersebut boleh di hantar ke jabatan - jabatan farmasi di hospital dan klinik kerajaan di mana:
- Sisa ubat tersebut akan dibuang ke dalam tong sisa klinikal.
- Tong sisa klinikal ini akan di hantar ke pusat pembakaran (incinerator) di mana ubat - ubat ini akan dibakar pada suhu 1100°C. Proses ini dikawal selia oleh Jabatan Alam Sekitar.

Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi Kempen 'Kenali Ubat Anda' ingin menyedarkan orang ramai tentang hak mereka sebagai pengguna ubat - ubatan terutama dari segi mendapatkan maklumat berkenaan ubat. Ini termasuklah kaedah pelupusan ubat yang betul. Dengan kempen ini, adalah diharapkan pelupusan ubat dapat dijalankan dengan betul seterusnya menjamin keselamatan semua.

